

SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/06/11_14 (HQ)

MEMUPUK GENERASI PEKA DAN BIJAK TENAGA DI GREEN GUARDIAN, PUSAT SAINS NEGARA

- Pelbagai produk pandang dengar (audio visual) sebagai bahan pendidikan dipersembahkan dalam bentuk mudah difahami, sesuai dengan generasi muda
- Malaysia Energy Literacy Program (MELP) menjadi agenda nasional mengembleng usaha membangunkan tamadun masyarakat peka tenaga
- Rakyat yang peka dan bijak tenaga boleh menyumbang kepada kejayaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR)

Satu lagi platform peka tenaga dilancarkan di Pusat Sains Negara (PSN), Kuala Lumpur hari ini dengan sasaran memupuk generasi muda yang bakal mewarisi masa depan, agar memahami dan mengguna tenaga secara bijak, sekali gus mendukung Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) demi kehidupan lebih sejahtera.

Pelbagai produk pandang dengar (audio visual) sebagai bahan pendidikan, dipersembahkan dalam bentuk mudah difahami yang sesuai dengan generasi muda itu, dilancarkan oleh Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YB Akmal Nasrullah Mohd Nasir di Green Guardian Centre, PSN.

Inisiatif Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama Yayasan Hijau Malaysia ini adalah antara program Malaysia Energy Literacy Program (MELP), dengan memberi akses kepada orang ramai terhadap ilmu kecekapan tenaga, tenaga boleh baharu dan penjaanaan tenaga.

“Melentur buluh biarlah dari rebungnya”, apatah lagi anak-anak ini bakal mewarisi kehidupan yang kita rencanakan pada hari ini. Kita berharap agar ibu bapa, pihak sekolah dan guru-guru memanfaatkan peluang menimba pengetahuan melalui paparan dan pendekatan yang menarik ini,” kata Akmal Nasrullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu MELP dalam ucapan pelancarannya.

Hadir sama Ketua Pegawai TNB Global Business Solutions (TGBS), Datuk Ahmad Hushairi Ibrahim yang menjalankan tugas-tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Hijau Malaysia (YHM), Dr. Nurul Muiz Murad.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menjadikan MELP yang diasaskan oleh TNB pada hujung 2020, sebagai agenda nasional dengan mengembleng kerjasama kementerian dan agensi berkaitan bagi membangunkan tamadun masyarakat yang peka tenaga.

Akmal Nasrullah berkata, MELP menyediakan akses kepada pengetahuan dan maklumat mengenai tenaga, memandu pembuat keputusan dan meraih sokongan umum dalam memacu kemampanan tenaga, sekali gus mengembangkan masyarakat peka tenaga dan pengguna pintar.

Melalui usaha itu, katanya, rakyat diajak bersama-sama menghayati usaha-usaha keterjaminan, keselamatan dan kemampanan bekalan tenaga elektrik negara melalui teknologi hijau serta rendah karbon, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan kehidupan.

“Seelok-eloknya rakyat sentiasa maklum terhadap apa jua inisiatif peluasan tenaga boleh baharu, pendigitalan dan penggunaan teknologi hijau bagi meningkatkan tenaga bersih. Kita tidak mahu pengguna hanya tahu memetik suis untuk menggunakan elektrik, tetapi juga memahami kepentingan kemampanan tenaga kepada bumi dan kehidupan manusia,” tambahnya.

Jawatankuasa Pemandu MELP yang dipengeruskannya, telah mengadakan mesyuarat pertamanya baru-baru ini dengan membawa pelbagai pihak agar berganding bahu mencapai hasil yang diharapkan dalam jangka panjang.

Ia termasuk Suruhanjaya Tenaga (ST), Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), TNB, Malaysian Green Technology Corporation (MGTC), Yayasan Hijau Malaysia, MyPower dan agensi-agensinya berkaitan.

Ahmad Hushairi pula berkata, di pihak TNB, sebanyak 46 program telah dilaksanakan sepanjang tahun lalu dengan melibatkan agensi kerajaan, persatuan pengguna, kontraktor, pelajar institusi pengajian tinggi serta murid sekolah yang memberikan maklum balas positif.

Kaji selidik pada setiap program, katanya, menunjukkan ada peningkatan tahap kesedaran rakyat terhadap kepentingan tenaga dan kepekaan mereka boleh menyumbang kepada kejayaan NETR, seiring sasaran negara neutral karbon menjelang 2050.

“Kami di TNB berusaha mempercepatkan peralihan tenaga secara bertanggungjawab dalam menuju sifar bersih tersebut, dengan menetapkan pengurangan 35% intensiti pelepasan karbon dan 50% kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035,” katanya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Jun 2024, jam 10.45 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731

atau emel kami: media@tnb.com.my



Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YB Akmal Nasrullah Mohd Nasir (dua, kanan) diiringi Ketua Pegawai TNB Global Business Solutions, Datuk Ahmad Hushairi Ibrahim (dua, kiri) menyempurnakan simbolik Majlis Pelancaran Program Kesedaran dan Kecekapan Tenaga di Green Guardian Centre, Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur hari ini (11 Jun 2024).

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Nor Yahati Awang (kiri sekali) dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Hijau Malaysia (YHM), Dr. Nurul Muiz Murad (kanan sekali).



Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YB Akmal Nasrullah Mohd Nasir (duduk tengah) diiringi Ketua Pegawai TNB Global Business Solutions, Datuk Ahmad Hushairi Ibrahim (berdiri tengah) menyaksikan permainan interaktif kereta solar hasil ciptaan murid-murid Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai, Bangsar ketika Majlis Pelancaran Program Kesedaran dan Kecekapan Tenaga di Green Guardian Centre, Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur hari ini (11 Jun 2024).

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Nor Yahati Awang (berdiri dua kiri) dan Ketua Pegawai Regulatory and Stakeholder Management TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (berdiri kanan sekali).